

06 OCT 1997

Mahathir-Jaminan

MAHATHIR BERI JAMINAN MENGENAI EKONOMI

SUBANG, 6 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan bahawa masalah ekonomi semasa yang dihadapi negara akan dapat diatasi.

Beliau juga berkata terdapat anasir-anasir asing yang ingin menghancurkan ekonomi Malaysia serta rantau Asean.

Dr Mahathir, yang baru pulang dari lawatan rasmi ke Amerika Latin, juga menafikan bahawa kenyataan konsistennya yang membidas manipulator mata wang telah mengakibatkan ringgit terus susut nilai.

Negara-negara lain yang pemimpinya berdiam diri, juga mengalami susut nilai matawangnya, malahan lebih teruk lagi, kata beliau.

Yang turut hadir di lapangan terbang antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di sini untuk menyambut kepulangan Dr Mahathir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr Mahathir menyeru rakyat Malaysia supaya bersatu untuk sama-sama mengatasi masalah semasa.

Cara dan kaedah akan dirumuskan untuk menangani kelemahan semasa dalam ekonomi, katanya.

Beliau berkata yang peliknya ialah fundamental atau asas ekonomi Malaysia adalah baik termasuk kadar inflasi yang rendah, tetapi mata wangnya dihentam sebegitu teruk, sedangkan mata wang negara lain, yang fundamentalnya lemah dengan kadar inflasi melebihi seribu peratus, tidak susut nilai sama sekali.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia menikmati kemakmuran sebegitu lama dan apabila tanda-tanda awal keperlahanan muncul, mereka gelabah.

Beliau mendedahkan bahawa anasir-anasir asing cemburu melihat pertumbuhan ekonomi Asean yang begitu dinamis dan sebab itulah mereka kini gembira melihat ekonomi tersebut melalui satu krisis.

"Apa yang telah dilakukan Indonesia kepada mereka? Bagaimana pula dengan Filipina, sebuah ekonomi muda dan sedang berkembang?" tanya beliau.

Tiada alasan bagi ekonomi-ekonomi tersebut diserang sedangkan negara lain berada dalam situasi yang lebih buruk lagi, katanya.

Ketika mengulas lebih lanjut mengenai tuduhan bahawa beberapa kenyataan beliau telah mengakibatkan tekanan lebih teruk ke atas ringgit, Perdana Menteri berkata apabila krisis mata wang mula timbul, beliau tidak berkata apa-apapun.

Tetapi, ringgit terus susut nilai kerana menghadapi serangan manipulatif yang berterusan dan sebab itulah beliau terpaksa membuka mulut, katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun pemimpin Asean yang lain tidak menyerang manipulator tersebut, yang termasuk pembiayaan kewangan Amerika Syarikat George Soros, mata wang negara mereka turut susut nilai.

Sambil memberi contoh tentang satu laporan asing yang tidak tepat, Dr Mahathir berkata beliau ada membaca satu makalah berita yang menyebut bahawa sebaik sahaja beliau meninggalkan Malaysia, ringgit terus susut nilai sedangkan pada hakikatnya, ia telah mula susut nilai lama sebelum itu.

"Bagi pihak Thailand, mungkin ada sedikit kelemahan...kita akui itu. Tetapi, apa yang tidak dapat kita terima ialah serangan bertubi-tubi ke atas mata wang itu untuk terus menjatuhkannya tetapi tiada bantuan yang dihulurkan oleh negara-negara maju, yang nampaknya lebih gemar untuk mengkritik kelemahan dalam ekonomi kita."

Ketika mengulas lebih lanjut mengenai pendirian negara-negara Barat untuk menyerang ekonomi negara-negara Asean, beliau berkata apabila manipulator terus "menendang jatuh Thailand", "mereka (negara Barat) sepatutnya menghulurkan tangan untuk membantu."

Dr Mahathir juga menegaskan bahawa serangan manipulatif sedemikian rupa "bukan sesuatu yang berlaku sepintas lalu. Ia adalah sesuatu yang serius."

"Kita tidak dapat memaafkan mereka atas apa yang telah dilakukan ke atas kita. Apa yang telah mereka lakukan untuk menolong kita? Sebenarnya tiada. Kita sendiri perlu melakukan sesuatu," tegas Perdana Menteri.

Ditanya sama ada bank-bank akan diminta untuk mengurangkan tekanan ke atas peminjam yang menghadapi masalah membayar hutang, Dr Mahathir berkata kerajaan akan mencari jalan untuk mengatasi masalah itu.

"Dalam dagangan mata wang, banyak keuntungan yang boleh dibuat dan ini (kenyataan saya yang mengakibatkan ringgit susut nilai) hanyalah satu alasan untuk manipulator asing," katanya.

Mengenai cadangan bahawa Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) tidak begitu menyokong dagangan antarabangsa terlalu bergantung kepada dolar Amerika, Dr Mahathir berkata berikutan rundingannya dengan Presiden Bank Dunia James Wolfensohn dan Pengarah Urusan IMF Michel Camdessus "mereka juga tidak begitu suka kegiatan manipulator mata wang kerana ia menjejaskan perdagangan dunia."

Mengenai sama ada Malaysia dapat menambah eksportnya berikutan kedudukan ringgit yang lebih murah, beliau berkata: "Eksport akan meningkat jika kita tahu bagaimana untuk menguruskan ekonomi...tetapi ada sesetengah orang apabila mata wang jatuh, mereka nak naik harga."

"Kita mesti terus berjuang dengan sokongan rakyat Malaysia. Kita tidak boleh menyerah kalah kerana itu akan bermakna memberi peluang kepada orang asing untuk menentukan dasar di negara ini. Dengan kesabaran dan disiplin kita akan dapat mengatasinya."

Mengenai sokongan yang diberikan oleh ahli-ahli perniagaan Malaysia yang menyertai lawatannya ke Amerika Selatan itu, beliau berkata mereka melakukannya secara sukarela dan tidak disuruh untuk berbuat demikian.

Bagaimanapun katanya media asing akan melaporkan sebaliknya.

Apabila ditanya sama ada terdapat tanda-tanda keperlantikan dalam ekonomi, beliau berkata: "Pada masa ini, tidak banyak keperlantikan yang berlaku."

Tetapi, katanya, menurut para pelabur dan rumah-rumah pelaburan, "asas ekonomi kita adalah baik dan unjuran jangka panjang juga baik, iaitu satu petanda bahawa ekonomi akan pulih walaupun ia tidak sebegitu mudah." --

BERNAMA

MR SIA NMO